

Kukuhkan hubungan Malaysia - China

■ KUALA LUMPUR 26 MEI

PERDANA Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad berkata, kerajaan Malaysia baharu yang berkuasa pada Mei tahun lalu adalah komited untuk memperkukuhkan hubungan Malaysia-China dengan kerjasama lebih erat dan lebih bermakna.

Pertumbuhan perdagangan dan pelaburan antara kedua-dua negara sejak tahun-tahun kebelakangan ini telah menjadi meteorik dan trend ini akan terus menjana lebih banyak peluang dalam bidang pelancongan, sains dan teknologi serta pertumbuhan budaya, katanya melalui mesej dalam buku cenderamata yang diterbitkan oleh Persatuan Persahabatan Malaysia-China atau lebih dikenali sebagai PPMC untuk menandakan ulang tahun ke-45 hubungan diplomatik antara kedua-dua negara.

Dr. Mahathir berkata, jika pada peringkat awal, ia adalah lebih merupakan hubungan kerajaan dengan kerajaan, perkongsian itu telah mengukur pelbagai peringkat dan mencatat pencapaian yang menjadikan China sebagai rakan dagangan terbesar Malaysia.



DR. MAHATHIR

“Pertumbuhan China yang mengagumkan dalam beberapa dekad yang lalu yang memuncak menjadi ekonomi kedua terbesar di dunia telah banyak menyumbang kepada kehadirannya yang luas bukan sahaja dalam Malaysia tetapi di bahagian lain di dunia.

“Kerjasama kita telah berkembang dalam pelbagai peringkat dan sektor. Saya percaya selain peranan yang dimainkan oleh pemimpin kerajaan dan politik, pelbagai persatuan dan pertumbuhan bukan kerajaan dari kedua-

dua negara, termasuk PPMC, telah menyumbang banyak kepada keadaan yang kukuh dan yang dinikmati oleh kedua-dua negara kita,” katanya.

Perdana Menteri mengimbas kembali apabila beliau menyaksikan majlis menandatangani memorandum persefahaman antara PPMC dan Persatuan Persahabatan China-Malaysia di Beijing pada bulan Jun 1993 semasa salah satu daripada lawatan rasminya ke China.

“Saya ingin mengucapkan tahniah kepada PPMC kerana dapat mempertahankan persahabatan sepanjang tahun ini dan membawanya ke tahap yang lebih tinggi,” katanya.

Dr. Mahathir berkata, walaupun berlaku perubahan kepimpinan di kedua-dua negara, perkongsian itu tetap berterusan selama bertahun-tahun, berkat kepatuhan mereka kepada prinsip tidak campur tangan dalam hal ehwal dalaman masing-masing dan berusaha menjadi jiran yang baik. - **BERNAMA**